

TARIKH	06 / 05 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	41	RUANGAN	

## Jumlah korban MERS meningkat

**Riyadh:** Jumlah korban Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS) meningkat kepada 115 orang sejak September 2012 dengan satu kematian terbaru dicatatkan, lapor media semalam.

Sebanyak 14 kes jangkitan baru dicatatkan kelmarin.

Menurut media, 411 kes dilaporkan setakat ini.

Daripada 14 kes terbaru itu empat tidak menunjukkan sebarang simptom, manakala lima lagi stabil dan mendapat rawatan.

Lima kes sedang menjalani rawatan intensif di hospital tempatan.

Di Riyadh dua wanita, empat lelaki - berusia antara 27 dan 77 tahun - disahkan di-

jangkiti virus berbahaya itu.

Sumber berkata, seorang daripada wanita terbabit berusia 45 tahun dan bekerja di hospital kerajaan di Riyadh.

Di Wilayah Barat empat lelaki - masing-masing berusia 47, 61, 63 dan 94 serta seorang wanita berusia 40 tahun didapati dijangkiti virus MERS.

- Agensi